**Jabatan Pendaftar**
*Registry*

Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang,
Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel : (+609) 549 2055
Faks/Fax : (+609) 549 3277
Web : www.ump.edu.my

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

RUJ. KAMI (*OUR REF.*) :
RUJ. TUAN (*YOUR REF.*) : UMP.02.01/10.12/2(41) 9 Mac 2011

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang
Kampus Gambang/ Kampus Pekan

Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN TARAF PENDUDUK TETAP OLEH PENSYARAH WARGA ASING UNTUK KELULUSAN JABATAN IMIGRESEN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pengajian Tinggi telah mengeluarkan Garis Panduan berhubung Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Taraf Penduduk Tetap Oleh Pensyarah Warga Asing Untuk Kelulusan Jabatan Imigresen menerusi surat bernombor rujukan : JPT(G)1000/09/01/01(19) bertarikh 11 Januari 2011.

3. Jabatan Imigresen Malaysia telah menetapkan bahawa salah satu syarat bagi membolehkan pensyarah universiti mendapatkan taraf penduduk tetap (PR) Malaysia bagi kategori professional adalah perlu mendapatkan sokongan daripada Jabatan Pengajian Tinggi.

3. Sehubungan itu, Jabatan Pendaftar telah menyediakan satu Garis Panduan berhubung Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Taraf Penduduk Tetap oleh Pensyarah Warga Asing Untuk Kelulusan Jabatan Imigresen yang bertujuan untuk membantu pengurusan menapis permohonan taraf penduduk tetap (PR) pensyarah warga asing dan dijadikan asas pertimbangan bagi perakuan pihak yang berkaitan.

MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR3811 MSC MALAYSIA Status Institution NIOSH CERTIFICATION OHSAS 18001:1999 Cert. No: 0-003/07

4. Bersama-sama ini disertakan surat pemakluman daripada Jabatan Pengajian Tinggi dan Garis Panduan tersebut di *Lampiran 1* untuk rujukan fakulti/jabatan dan edaran kepada pensyarah warga asing di fakulti/jabatan tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**”

Saya yang menurut perintah,

(**HJ. MUSTAFA BIN IBRAHIM**)
Pendaftar

s.k

- Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)
- Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN TARAF PENDUDUK TETAP (PR) OLEH PENSYARAH WARGA ASING UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN JABATAN IMIGRESEN

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai criteria-kriteria yang perlu diambil kira bagi permohonan sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk mendapatkan taraf penduduk tetap oleh pensyarah warga asing. Garis panduan ini akan membantu pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menapis permohonan taraf penduduk tetap pensyarah warga asing dan dijadikan asa pertimbangan bagi perakuan kepada pihak yang berkaitan.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Bagi meningkatkan bilangan pakar asing di dalam akademik, Jabatan Imigresen telah menawarkan kemudahan kepada golongan tersebut. Di bawah Akta Imigresen 1959/63, pemegang status penduduk tetap berhak untuk tinggal di Negara ini tanpa had waktu.

2.2 Untuk mendapatkan keistimewaan-keistimewaan yang telah ditetapkan, Jabatan Imigresen berpendapat bahawa setiap permohonan daripada warga asing perlu ditapis bagi memastikan pemberian status penduduk tetap kepada mereka akan memberi sumbangan yang signifikan kepada negara.

## 3. PRINSIP PERMOHONAN TARAF PENDUDUK TETAP OLEH PENSYARAH WARGA ASING

3.1 Dalam usaha meningkatkan profil sesebuah IPT, pemberian sokongan taraf penduduk tetap boleh dipertimbangkan demi kepentingan pengajian tinggi berdasarkan keperluan berikut :

a) memenuhi keperluan professional/ kepakaran dalam sesebuah projek khas;

b) memenuhi keperluan bidang kritikal yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan; dan

c) meningkat dan memantapkan Pembanguna Penyelidikan (R&D) dalam bidang-bidang tertentu melalui kepakaran di kalangan pasukan warga asing.

3.2 Semua permohonan bagi tujuan taraf penduduk tetap hendaklah memenuhi syarat-syarat asas berikut :

a) telah berkhidmat dengan maksimum sekurang-kurangnya dalam tempoh kontrak 3 tahun ;

b) mempunyai prestasi kerja di tahap yang baik ;

c) mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan ;

d) mempunyai kompetensi dalam bidang kritikal yang diperlukan ; dan

e) sokongan daripada Dekan Fakulti dan mendapat kelulusan/ persetujuan Naib Canselor.

## 4. PELAKSANAAN

4.1 Pemohon perlu melengkapkan borang dengan mengisi markah pada ruangan *Marks* yang disediakan serta melampirkan dokumen sokongan yang berkaitan ;

4.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui Dekan masing-masing. Pihak fakulti hendaklah membuat tapisan kepada setiap permohonan yang diterima dan menyemak permohonan berdasarkan panduan pemarkahan yang telah disediakan oleh Jabatan Imigresen bagi memudahkan penilaian dibuat (rujuk Appendix A) ;

4.3 Fakulti perlu menghantar permohonan yang disertakan dengan ringkasan *Curiculum Vitae* pemohon yang telah disahkan oleh Dekan ;

4.4 Setiap permohonan yang telah ditapis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pendaftar, UMP untuk dimajukan ke Jabatan Pengajian Tinggi.

4.5 Jabatan Pengajian Tinggi akan hanya memproses permohonan yang lengkap diterima sebelum sebarang surat perakuan dikeluarkan untuk rujukan Jabatan Imigresen.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

Tarikh : 9 Mac 2011

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

**JABATAN PENDAFTAR**

**BORANG PERMOHONAN MENDAPATKAN TARAF PENDUDUK TETAP DI MALAYSIA**
***APPLICATION FORM FOR PERMANENT RESIDENCY IN MALAYSIA***

**TO BE FILLED BY THE APPLICANT**

- Isi dalam HURUF BESAR SHAJA (*Write in CAPITAL LETTERS ONLY*)
- Tandakan (√) pada ruangan yang berkenaan (*Mark (√) in appropriate box*)

1. Nama Pemohon (*Applicant's Name*) :………………………………………………………………...
………………………………………………………………………………………………………………
2. Fakulti/Pusat (*Faculty/Center*) :………………………………………………………………...
3. Jawatan (*Position*) :………………………………………………………………...
4. Gred (*Grade*) :………………………………………………………………...
5. Tarikh Lahir (*Date of Birth*) (…………../………………/……………)
   Tarikh/Date Bulan/Month Tahun/Year
6. Jantina (*Sex*) : Lelaki (*Male*) ☐ Wanita (*Female*) ☐
7. Warganegara (*Nationality*) :………………………………………………………………...
8. No. Pasport (*Passport No*) :………………………………………………………………...
9. Alamat Surat Menyurat (*Mailing Address*) :………………………………………………………………...
………………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………………………………………………
10. No Telefon (*Telephone No*) :………………………………………………………………...
11. Alamat Email (*Email Address*) :………………………………………………………………...

12. **Sila isikan markah (Rujuk Appendix A)/** ***Please fill in the marks (Refer to Appendix A)***

| | **Criteria** | **Marks** | **Please enclose certified photocopies of the following documents in order with the application form. Please mark (√) if enclosed** |
|---|---|---|---|
| A | Age | ☐ | ☐ Passport Copy |
| B | Academic/ Professional Qualification | ☐ | ☐ Highest Qualification Certificate |
| C | Language Proficiency | ☐ | ☐ Supporting Documents |
| D | Staying Period | ☐ | ☐ Working Visa and other Supporting Documents |
| E | Kinship Ties | Each Child ☐<br>Parent ☐<br>Other family members ☐ | ☐ Passport Copies and any other Supporting Documents |
| F | Investment in Malaysia | Investment in Business ☐ | ☐ Supporting Documents |
| | | Investment in Properties ☐ | ☐ Supporting Documents |
| | | Money in the bank ☐ | ☐ Supporting Documents |
| | | Provide employment opportunities to Malaysian ☐ | ☐ Supporting Documents |

| | Criteria | Marks | Please enclose certified photocopies of the following documents in order with the application form. Please mark (√) if enclosed |
|---|---|---|---|
| G | Employment | ☐ | ☐ Supporting Documents |
| H | Cancellation | ☐ | ☐ Supporting Documents |

**Total Marks :** ☐

13. Pengesahan/*Declareration* :

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar, permohonan saya boleh ditolak pada bila-bila masa oleh pihak Universiti Malaysia Pahang.

*I hereby declare that the above information is correct to the best of my knowledge and if found incorrect, my application form can be rejected at anytime by Universiti Malaysia Pahang.*

Tandatangan pemohon (*Applicant's signature*) :……………………………………………………….

Nama (*Name*) :…………………………………………….

Tarikh (*Date*) ……………………………………………………………….

**PERAKUAN OLEH DEKAN/PENGARAH**
***ENDORSEMENT BY DEAN/FACULTY***

Permohonan ini adalah disokong / tidak disokong. (*I support/ do not support this application*)

Ulasan (*Remarks*)

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

Tandatangan Dekan/Pengarah (*Dean/ Director's Signature*) :…………………………………………

Nama Dekan/ Pengarah (*Dean/Director's Name*) :…………………………………………..

Tarikh (*Date*) :…………………………………………..

---

**KELULUSAN NAIB CANSELOR**
***APPROVAL BY VICE CHANCELLOR***

Permohonan ini adalah diluluskan / tidak diluluskan. (*I approve/ do not approve this application*)

Ulasan (*Remarks*)

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………………………

Tandatangan Naib Canselor (*Vice Chancellor's Signature*) :………………………………………….

Nama Naib Canselor (*Vice Chancellor's Name*) :…………………………………………..

Tarikh (*Date*) :…………………………………………..

**Appendix A**

**Sistem Pemarkahan Bagi Pemohon Taraf Penduduk Tetap di Malaysia**
***(Point System for Permanent Status in Malaysia)***

| | ***Criteria*** | ***Description*** | ***Points*** | |
|---|---|---|---|---|
| ***A*** | Age | ► 18-35 years<br>► 36 – 60 years | 5<br>10 | |
| ***B*** | Academic/ Professional Qualification | | Critical Field** | Non-Critical |
| | | ►PhD | 20 | 15 |
| | | ► Masters Degree | 15 | 10 |
| | | ► Professional | 15 | 10 |
| | | ► Bachelor Degree | 10 | 5 |
| | | ► Diploma (Take whichever higher) | 5 | 0 |
| ***C*** | Language Proficiency | ► Bahasa Malaysia | 10 | |
| ***D*** | Staying Period | ► More than 5 years | 10 | |
| ***E*** | Kinship Ties | Close family members living in Malaysia whose : | Malaysian | PR |
| | | ► Each child | 5 | 2 |
| | | ► Parent | 5 | 2 |
| | | ► Each other family member ( siblings, uncles,aunts) | 2 | 2 |
| | | | Maximum 30 points | |

| | *Criteria* | *Description* | *Points* |
|---|---|---|---|
| **F** | Investment in Malaysia | ► Investment in Business | 1 point for every RM100,000 (max 5 points) |
| | | ► Investment in properties | 1 point for every RM100,000 (max 5 points) |
| | | ► Money in the bank | 1 point for every RM100,000 (max 5 points) |
| | | ► Provide employment opportunities to Malaysian | ► More than 100 employees - 15 points<br>► 51 - 100 employees - 10 points<br>► 30 - 50 employees - 5 points<br>(max 30 points) |
| **G** | Employment | ► Employment in accordance with professional qualification<br>e.g A doctor practicing in medical field or an engineer working as a plant Engineering | 1 point for every 1 year of working experience with maximum of 10 points |
| **H** | Cancellation | ► Criminal offence<br>► Misrepresentation<br>► Other law offence | Disqualify |

**Total marks : 120 points**
**Minimum Passing Marks : 65 points**

****Science and Technology Field**

**JABATAN PENGAJIAN TINGGI**
PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (IPTA)
ARAS 3, BLOK E9, KOMPELKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62505 PUTRAJAYA
Tel : (603) 8883 5996 Faks : (603) 8889 5520 Web : http://www.mohe.gov.my

13 JAN 2011
JABATAN PENDAFTAR UMP

Fail Kami : JPT(G)1000/09/01/01( 19 )

Tarikh : 11 Januari 2011

**EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN TARAF PENDUDUK TETAP OLEH PENSYARAH WARGA ASING UNTUK KELULUSAN JABATAN IMIGRESEN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, salah satu syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi membolehkan pensyarah universiti mendapatkan taraf Penduduk Tetap (PR) Malaysia bagi kategori profesional adalah mendapatkan sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

3. Sehubungan itu, Kementerian ini telah menyediakan satu **Garis Panduan berhubung Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Taraf Penduduk Tetap oleh Pensyarah Warga Asing Untuk Kelulusan Jabatan Imigresen** yang bertujuan untuk membantu pengurusan Institusi Pengajian Tinggi menapis permohonan taraf PR pensyarah warga asing dan dijadikan asas pertimbangan bagi perakuan pihak yang berkaitan.

4. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan tersebut di atas untuk rujukan dan makluman pihak YBhg. Dato'/ Dr./Tuan/Puan

En. Murad
Sepert ~~Bil. 5T~~ MESJ Bil. 2/2011
- telah terima
mohon edar kpd pegawai berkenaan di Bhg. 1-ggeis.

En. Murad
- Sila bincang utk tindakan seterusnya.

-Edar 13/1/11

- F.T -

CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. : AR 5006

selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(PROF. DR. RUJHAN MUSTAFA)**
Timbalan Ketua Pengarah (IPTA)
Jabatan Pengajian Tinggi
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi

s.k

1. KP, JPT
2. TKP (IPTS), JPT
3. Semua Naib Canselor IPTA

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN TARAF PENDUDUK TETAP (PR) OLEH PENSYARAH WARGA ASING UNTUK KELULUSAN JABATAN IMIGRESEN

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Intitusi Pengajian Tinggi (IPT) mengenai kriteria-kriteria yang perlu diambil kira bagi **permohonan sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk mendapatkan taraf penduduk tetap (PR) oleh pensyarah warga asing.**

Garis panduan ini akan membantu pengurusan IPT menapis permohonan taraf PR pensyarah warga asing dan dijadikan asas pertimbangan bagi perakuan kepada pihak yang berkaitan.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Bagi meningkatkan bilangan pakar asing di dalam bidang akademik, Jabatan Imigresen telah menawarkan kemudahan kepada golongan tersebut. Di bawah Akta Imigresen 1959/63, pemegang status PR berhak untuk tinggal di negara ini tanpa had waktu.

2.2 Untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan yang ditetapkan, Jabatan Imigresen berpendapat bahawa setiap permohonan daripada warga asing perlu ditapis bagi memastikan pemberian status PR kepada mereka akan memberi sumbangan yang signifikan kepada negara.

## 3. PRINSIP PERMOHONAN TARAF PENDUDUK TETAP OLEH PENSYARAH WARGA ASING

3.1 Dalam usaha meningkatkan profil sesebuah IPT, pemberian sokongan taraf penduduk tetap boleh dipertimbangkan demi kepentingan pengajian tinggi berdasarkan keperluan berikut:

(a) Memenuhi keperluan profesional/kepakaran dalam sesebuah projek khas;

(b) Memenuhi keperluan bidang kritikal yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan; dan

(c) Meningkat dan memantapkan Pembangunan Penyelidikan (R&D) dalam bidang-bidang tertentu melalui kepakaran di kalangan pasukan pensyarah warga asing.

3.2 Semua pemohon bagi tujuan permohonan taraf penduduk tetap hendaklah memenuhi syarat-syarat asas berikut:

(a) Telah berkhidmat dengan maksimum sekurang-kurangnya dalam tempoh kontrak 3 tahun;

(b) mempunyai prestasi kerja di tahap yang baik;

(c) mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan;

(d) mempunyai kompetensi dalam bidang kritikal yang diperlukan; dan

(e) Sokongan daripada Dekan Fakulti dan mendapat kelulusan/persetujuan Naib Canselor/Ketua Eksekutif.

## 4. PELAKSANAAN

4.1 Semua pemohonan hendaklah dikemukakan melalui IPT masing-masing. Pihak IPT hendaklah membuat tapisan kepada setiap permohonan yang diterima.

4.2 IPT diminta untuk mengguna panduan pemarkahan yang telah disediakan oleh Jabatan Imigresen bagi memudahkan penilaian dibuat (rujuk **Lampiran**).

4.3 IPT perlu menghantar permohonan yang disertakan dengan ringkasan *Curriculum Vitae* pemohon yang telah disahkan oleh Pendaftar.

4.4 Melalui Pejabat Pendaftar, setiap permohonan yang telah ditapis hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Ketua Pengarah**
**Jabatan Pengajian Tinggi**
**Aras 3, Blok E9, Kompleks E**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**
**62505 PUTRAJAYA**

4.2 Jabatan Pengajian Tinggi akan hanya memproses permohonan yang lengkap diterima sebelum sebarang surat perakuan dikeluarkan untuk rujukan Jabatan Imigresen.

**Sistem Pemarkahan bagi Pemohon Taraf Penduduk Tetap di Malaysia/ *Point System* for Permanent Status In Malaysia**

| Criteria | Description | Points | |
|---|---|---|---|
| A. Age | ➢ 18 - 35 years | 5 | |
| | ➢ 36 - 60 years | 10 | |
| B.Academic/Professional Qualification | | Critical Field** | Non-Critical |
| | ➢ PhD | 20 | 15 |
| | ➢ Master Degree | 15 | 10 |
| | ➢ Professional | 15 | 10 |
| | ➢ University Degree | 10 | 5 |
| | ➢ Diploma (Take whichever higher) | 5 | 0 |
| C. Language Proficiency | ➢ Bahasa Malaysia | 10 | |
| D. Staying Period | ➢ More than 5 years | 10 | |
| E. Kinship Ties | Close family member living in Malaysia whose : | Malaysian | PR |
| | ➢ Each child | 5 | 2 |
| | ➢ Parents | 5 | 2 |
| | ➢ Each other family member (sibling, uncle, auntie) | 2 | 2 |
| | | Maximum 30 points | |
| F. Investment in Malaysia | ➢ Investment in Business | 1 points for every RM100,000 (max 5 points) | |
| | ➢ Investment in properties | 1 points for every RM100,000 (max 5 points) | |
| | ➢ Money in the bank | 1 points for every | |

| | | |
|---|---|---|
| | (maturity more than 1 year) | RM100,000 (max 5 points) |
| | ➢ Provide employment opportunities to Malaysian | More than 100 employees - 15 points<br><br>51-100 employees - 10 poins<br><br>30-50 employees - 5 points<br><br>(max 30 points ) |
| G. Employment | ➢ Employment in accordance with professional qualification.<br><br>*e.g. A doctor practice in medical field or an engineer working as a Plant Engineer* | 1 point for every 1 year of working experience with a maximum of 10 points. |
| H. Cancellation | ➢ Criminal offences<br>➢ Misrepresentation<br>➢ Other law offences | Disqualify |

**Total Marks : 120 points**

**Minimum Passing Marks : 65 points**

***** Science and Technology Field***